



28.6.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

KUMPULAN PBA TEROKAI BIDANG TEKNOLOGI HIJAU

- **“PBA Green Technology Sdn Bhd” (PBAGT) didaftarkan sebagai syarikat milikan 100% tenaga boleh diperbaharui.**
- **Rancangan sedang dijalankan bagi PBAGT melaksanakan projek yang berpotensi yang berkaitan dengan kuasa hidro dan solar.**

PULAU PINANG, Jumaat, 28.6.2019: PBA Kumpulan Syarikat merancang melaksanakan projek-projek tenaga boleh diperbaharui di Pulau Pinang, selaras dengan komitmen utama ke arah penambahbaikan berterusan dan pengurusan alam sekitar.

PBA Holdings Bhd (PBAHB), syarikat pegangan yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia, menubuhkan anak syarikat milikan 100% baharu yang dinamakan “PBA Green Technology Sdn Bhd” (PBAGT) pada 12.12.2018.

PBAGT ditubuhkan untuk menjalankan projek dalam bidang kuasa hidro dan solar. Ideanya ialah untuk menjana elektrik yang boleh digunakan untuk mengimbangi atau mengurangkan kos tenaga Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), operator bekalan air berlesen bagi negeri Pulau Pinang.

Sehingga kini, Kumpulan PBA telah mengenal pasti dua projek berpotensi di bahagian pulau:

1. **Penjanaan elektrik di loji mini hidro yang terletak di Loji Rawatan Air Air Itam; dan**
2. **Menubuhkan ladang kuasa solar di Kompleks Kolam Air dan Stesen**

Pam Bukit Dumbar.

Bagi Kumpulan PBA, matlamat utama untuk inisiatif tenaga boleh diperbaharui adalah untuk:

- Meneroka projek-projek teknologi yang boleh diperbaharui di pemasangan bekalan air PBAPP, untuk menyokong aspirasi Visi 2030 untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai “Negeri Berorientasi Kekeluargaan, Hijau dan Pintar untuk Aspirasi Negara.”
- Mengimbangi atau mengurangkan kos tenaga PBAPP dengan menghasilkan “tenaga hijau” yang boleh dieksport ke grid kebangsaan dan dijual kepada TNB. Pada 2018, bil tenaga Kumpulan PBA berjumlah RM62.357 juta.
- Membuka potensi penjanaan tenaga bagi pemasangan bekalan air Pulau Pinang, tanpa menjejaskan operasi bekalan air teras, keselamatan dan alam sekitar.

Semua projek tenaga boleh diperbaharui Kumpulan PBA akan diuruskan oleh PBAGT.

Kami menilai projek-projek dari sudut kejuruteraan dan kewangan; dan bersedia untuk memperolehi semua kelulusan yang diperlukan untuk meneruskannya.

Apabila semua prosedur ketekunan wajar selesai, Kumpulan PBA akan melancarkan dan mengumumkan butir-butir penuh projek tenaga boleh diperbaharui yang akan menyokong aspek “hijau” dan “pintar” Visi Pulau Pinang 2030.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my



a Renewable Energy Company 1307297-U